

21 AUG 2001

Megawati-Lawat

MEGAWATI MULA LAWAT ASEAN SEMENTARA MENTERI UTAMA BERLEPAS KE ACHEH

Oleh: Openg Onn

JAKARTA, 21 Ogos (Bernama) -- Presiden Megawati Sukarnoputri berlepas ke Manila hari ini bagi peringkat pertama lawatan lapan harinya dalam usaha memperkukuhkan hubungan Indonesia dengan sembilan negara anggota Asean.

Megawati, seorang naib presiden yang dilantik menjadi presiden negara keempat paling padat di dunia itu pada 23 Julai, diiringi suaminya Taufik Kiemas, yang merupakan Anggota Parlimen, anak perempuannya Maharani dan abangnya yang juga Anggota Parlimen, Guruh Sukarnoputra.

Turut serta dalam rombongannya itu ialah Menteri Luar Hassan Wirayuda, Setiausaha Negara/Kabinet Bambang Kesowo dan dua lagi Anggota Parlimen.

Naib Presiden Hamzah Haz dan menteri-menteri turut berada di Lapangan Terbang Halim Perdana-Kusuma di sini untuk mengucapkan selamat jalan.

Lawatan itu, pada awalnya dijadualkan bermula Rabu, dipercepatkan sehari bagi membolehkan Megawati bertemu rakan sejawatan Filipinanya Gloria Macapagal Arroyo, yang dijadual akan berlepas bagi lawatan ke luar negara esok.

Kuala Lumpur akan menjadi perhentian terakhir dalam aturcaranya yang termasuk mengadakan perbincangan dua hala dengan Perdana Menteri Malaysia Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Selepas Asean, Megawati akan melawat Amerika Syarikat pada 19 Sept atas jemputan Presiden George W. Bush dan kemudiannya Jepun, tarikhnya belum lagi ditetapkan.

Hassan memberitahu pemberita semalam bahawa dengan melawat Asean terlebih dahulu, Megawati menunjukkan komitmen Indonesia terhadap perkumpulan serantau itu yang menurutnya akan kekal menjadi teras dasar luarnya.

Bagaimanapun terdapat pelbagai reaksi berhubung lawatan Megawati ke luar negara dengan pemerhati politik menggariskan kesamaan dengan presiden sebelumnya Abdurrahman Wahid, yang disingkirkan oleh Parlimen kerana tidak cekap.

Abdurrahman, dalam tempoh pemerintahannya yang penuh bermasalah selama 21 bulan, dikenali sebagai "presiden yang paling banyak menggembara" kerana melawat lebih 50 negara sementara Indonesia semakin terjerumus dalam masalah ekonomi dan politik.

Tidak seperti Abdurrahman, Megawati memastikan masalah kritikal dalaman kekal menjadi tumpuannya dengan menghantar 13 menteri utama dan pegawai tinggi ke wilayah Aceh yang telah melancarkan perjuangan bercorak gerila bagi tempoh lebih tiga dekad untuk membebaskan diri dari republik itu.

Mereka diketuai Menteri Koordinasi Politik, Sosial dan Hal Ehwal Keselamatan Susilo Bambang Yudhoyono, yang semalam berkata delegasi itu akan mencari penyelesaian jangka pendek segera terhadap masalah kompleks di wilayah yang huru hara itu.

Delegasi itu berlepas dengan pesawat ke Banda Aceh, ibu negara wilayah Aceh yang kaya dengan sumber asli itu hari ini dan dari sana dengan menggunakan jalan darat akan ke Lhokeseumawe, kubu pergerakan tentera pemisah, yang dikenali sebagai Gerakan Aceh Merdeka (GAM).

Serangan ketenteraan dan psikologi yang dilancarkan angkatan keselamatan Indonesia gagal menumpaskan pemberontakan yang dilancarkan oleh GAM yang dianggarkan mempunyai lebih 10,000 anggota separa tentera.

Sebaliknya, kerajaan pusat dan kerajaan tempatan menghadapi lebih banyak tentangan daripada pergerakan itu yang buminya merupakan satu daripada pengeluaran minyak dan gas dunia.

-- BERNAMA
OPP RHM